

**PENGANIAYAAN KANAK-KANAK,
PENYELESAIAN MENURUT
PERSPEKTIF ISLAM**

MOHAMAD NAWI BIN ABU BAKAR

**KULIYAH UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
PETALING JAYA
SESI 1991/92**

DONATED TO THE LIBRARY OF
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY
BY

IIZU KULLIYAH OF LAHORE

P. J.

Date Received *6/9/92*

DECLARATION OF AUTHOR'S RIGHTS

The copyright of this thesis belongs to the author under the terms of the Copyright Act, 1987 (Act 332) Due acknowledgment must always be made of the use of any material contained in, or derived from this thesis.



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
بُونَيْرِيسْتِي اِسْلَامْ اَنْتَارَا بَجَانَا مَلِيسِيَا

**PENGANIAYAAN KANAK-KANAK,
PENYELESAIAN MENURUT
PERSPEKTIF ISLAM**

| | |
|---|---------------------|
| INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY LIBRARY | |
| ORDER NO: <i>G111</i> | LOCATION: <i>M-</i> |
| DATE RECEIVED: <i>6/9/92</i> | |
| ACC. NO: 128828 | |
| CALL NO: | |

OLEH

MOHAMAD NAWI BIN ABU BAKAR

DIBAWAH PENYELIA

AL-USTAZ ABDUL WAHAB BIN HJ ABDUL HAMID

KERTAS PROJEK

**Untuk Memenuhi Syarat-Syarat
Diploma Undang-Undang Dan
Pentadbiran Kehakiman Islam**

**KULIYYAH UNDANG-UNDANG.
UNIVERSITY ISLAM ANTARABANGSA
PETALING JAYA
SESSI 1991/92**

KANDUNGAN

| | |
|----------------|-----|
| KATA PENGANTAR | iii |
| PENDAHULUAN | vi |

BAB PERTAMA

| | | |
|-----|--|----|
| 1.1 | Asas Pembentukan Keluarga. | 1 |
| 1.2 | Matlamat Institusi Keluarga Menurut Syariat Islam. | 2 |
| 1.3 | Kewajipan Ibubapa Terhadap Kanak-Kanak. | 16 |
| 1.4 | Kedudukan Ibubapa Menurut Islam. | 18 |
| 1.5 | Tanggungjawab Sebagai Ibubapa. | 21 |
| 1.6 | Kewajiban Anak Terhadap Ibubapa. | 33 |

BAB KEDUA

| | | |
|-----|---|----|
| 2.1 | Penjagaan Kanak-Kanak (Al-Hadhanah) | 46 |
| 2.2 | Pengertian Hadhanah | 47 |
| 2.3 | Orang Yang Berhak Menjaga Kanak-Kanak | 49 |
| 2.4 | Susunan Orang-Orang Yang Berhak Menjaga Kanak-Kanak | 51 |
| 2.5 | Syarat-Syarat Kelayakan Penjaga Kanak-Kanak | 55 |
| 2.6 | Tempuh Hadhanah | 56 |
| 2.7 | Permasalahan Upah Hadhanah | 62 |
| 2.8 | Anak-Anak Menurut Syariat Islam | 65 |
| 2.9 | Pendidikan Kanak-Kanak | 72 |

| | | |
|--------|---|-----|
| 2.10 | Kaedah Pendidikan Terhadap Kanak-Kanak. | 74 |
| 2.10.1 | Pendidikan Melalui Teladan. | 76 |
| 2.10.2 | Pendidikan Melalui Amalan (Kebiasaan). | 82 |
| 2.10.3 | Pendidikan Melalui Nasihat. | 88 |
| 2.10.4 | Pendidikan Secara Perhatian. | 95 |
| 2.10.5 | Pendidikan Menerusi Hukuman. | 98 |
| 2.11 | Gagasan Pendidikan yang Harus Dipupuk Terhadap Kanak-Kanak. | 105 |

BAB KETIGA

| | | |
|-----|---|-----|
| 3.1 | Penganiayaan Kanak-Kanak Dan Permasalahannya. | 113 |
| 3.2 | Definasi Penganiayaan. | 116 |
| 3.3 | Sebab-Sebab Penganiayaan. | 117 |
| 3.4 | Peruntukan Undang-Undang dan Hukuman Mengenai Penganiayaan. | 119 |
| 3.5 | Statistik. | 124 |
| 3.6 | Kes-Kes Penderaan Dan Penganiayaan. | 125 |
| 3.7 | Penyelesaian Menurut Perspektif Islam. | 131 |
| | PENUTUP | 140 |
| | BIBLIOGRAFI | 150 |
| | LAMPIRAN | 153 |

KATA PENGANTAR

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على سيدنا محمد أشرف

الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين .

Kertas projek ini diberi judul "Penganiayaan Kanak-Kanak, Penyelesaian Menurut Perspektif Islam". Selaku penulis Kertas Projek ini, saya akan berusaha sekadar mungkin untuk menghurai dan menjelaskan mengenai beberapa asas pembentukan keluarga muslim, masalah penganiayaan kanak-kanak, peruntukan undang-undang dan penyelesaian menurut perspektif Islam.

Perkembangan masyarakat dihari-hari muta'akhir ini, memperlihatkan bahawa terdapat kerenggan perhubungan diantara ibubapa dengan anak-anak. Terdapat dikalangan kanak-kanak yang tidak menghormati ibubapa, melanggar nasihat orang tua, malahan ada diantara mereka yang lari daripada rumah.

Apakah sebab dan punca berlaku demikian?. Kepada siapakah yang hendak dipersalahkan?. Ibubapa atau kanak-kanak?. Persoalan inilah yang perlu diteliti dan diselesaikan. Banyak orang meletakkan kesalahan itu keatas kanak-kanak, lantas mereka mengatakan kanak-kanak tidak mengenang budi, anak durhaka dan bermacam lagi gelaran yang diberikan. Ada pula yang meletakkan bahawa punca utama

berlakunya kesalahan itu ialah ibubapa sendiri, dengan mengatakan ibubapa tidak melaksanakan tanggungjawab yang sebenar terhadap kanak-kanak.

Oleh itu, dengan terbitnya kertas projek ini, penulis merasakan amatlah sesuai dengan suasana yang dihadapi oleh masyarakat Islam dewasa ini. Diantara gejala yang sedang menimpa umat Islam ialah mengenai keruntuhan moral dikalangan golongan belia remaja.

Penyakit ini semakin hari kian menjalar, menunjukkan kesan sosial yang semakin tercemar, pemujaan budaya liar, penagihan dadah malah yang lebih buruk lagi boleh mempermain-mainkan kesucian Islam.

Didalam menganalisa persoalan ini, penulis membahagikan tajuk perbincangan serta huraian kepada tiga bab:

Bab Pertama: Membicarakan mengenai asas pembentukan keluarga serta matlamatnya menurut Islam. Kewajipan ibubapa terhadap kanak-kanak dan demikian juga tanggungjawab anak terhadap ibubapa.

Bab Kedua : Menghuraikan tentang penjagaan kanak-kanak. Kaedah pendidikan terhadap kanak-kanak menurut Islam serta beberapa gagasan yang perlu dipupuk didalam diri dan jiwa kanak-

Bab Ketiga : Menumpukan mengenai permasalahan dan sebab-sebab berlakunya penganiayaan terhadap kanak-kanak. Peruntukan undang-undang serta hukuman terhadap pelaku penganiayaan dan beberapa contoh kes penderaan dan penganiayaan kanak-kanak. Akhir sekali penulis cuba menghuraikan mengenai penyelesaian menurut perspektif Islam.

Dengan itu kita dapat melihat bagaimana seorang ibu-bapa seharusnya melaksanakan tanggungjawab dengan baik untuk anak-anaknya, demikian juga kanak-kanak seharusnya menunaikan kewajipan masing-masing supaya mereka menjadi anak-anak yang soleh dan berbakti kepada ibubapa masing-masing dan masyarakatnya. Semoga dengan itu kita akan dapat melihat bagaimana menghormati dan berbakti kepada ibubapa merupakan sebesar-besar amalan taqarrub kepada Allah dan mendurhakai mereka serta melakukan penganiayaan pula merupakan sebesar-besar dosa disisi Allah S.W.T.

Disamping itu juga penulis mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Ustaz Abdul Wahab Bin Abdul Hamid selaku penyelia kertas projek ini, yang telah banyak memberi pertolongan dan bimbingan sehingga penulis dapat menyempurnakan tanggungjawab yang ditugaskan. Seterusnya ucapan terima kasih juga kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, pihak Universiti

Islam Antarabangsa, isteri penulis sendiri dan orang perseorangan yang telah banyak memberi perkhidmatan, kemudahan serta dorongan sehinggalah penulis berjaya didalam menyiapkan kertas projek ini.

Moga-moga segala usaha dan sumbangan dari semua pihak yang terlibat dapat dimanfaatkan. Semoga Allah membalas ganjaran yang sebaik-baiknya diatas bakti yang telah dicurahkan kepada penulis.

Amin Ya Rabbal 'Alamin.

Mohamad Nawi Bin Abu Bakar

Diploma Undang-Undang & Pentadbiran Kehakiman Islam

Universiti Islam Antarabangsa

Petaling Jaya.

Tarikh : 22hb. Zulhijah 1412 .
23hb. June 1992

PENDAHULUAN

Alhamdulillah, syukur kita kehadiran Allah S.W.T yang telah memberi hidayah dan taufikNya. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. pesuruh Allah dan selawat keatas keluarga serta sahabat-sahabat Baginda.

Anak-anak adalah merupakan amanah Allah kepada setiap insan. Dimana ianya perlu dijaga, dipelihara, dididik, disemai dan diberi segala hak supaya ia menjadi anak yang soleh. Anak-anak merupakan jantung hati, cahaya mata dan penghibur kepada ibubapa. Semakin anak-anak itu membesar semakin bahagialah keluarga itu.

Islam adalah agama yang progresif dan menganggap anak-anak itu sebagai benih-benih tanaman. Kemudian peladang yang mahirlah pula akan memilih benih yang baik dan tanah yang subur untuk mendapatkan tuaian yang bermutu serta untuk mendapatkan hasil yang berlipat ganda banyaknya. Begitulah juga, Islam menghendaki didalam pendidikan anak-anak supaya mereka menjadi insan yang berguna pada masa akan datang sebagai pembela tanah air dan penegak kesucian Islam. Untuk membentuk keperibadian akhlak anak-anak perlulah memilih isteri atau suami yang baik dalam berkeluarga demi untuk menjamin kebaikan anak-anak mereka. Sesungguhnya anak yang soleh sahaja akan dapat memberi manfaat kepada ibubapanya didunia dan akhirat. Martabat ibubapa yang mendidik anak-anaknya menjadi sebagai anak yang soleh sentiasa diangkat darjatnya

dari masa kesemasa diakhirat nanti. Ianya akan diberitahu oleh Allah bahawa darjat dan ketinggian yang diperolehi itu adalah hasil dari doa anak yang soleh. Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud;

"Apabila mati seseorang anak Adam terputuslah segala amalanya melainkan tiga perkara, iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak yang soleh yang sentiasa mendoakanya".

Bagi melahirkan anak-anak yang soleh, Islam telah menggariskan beberapa tanggungjawab dan kewajipan yang mesti ditunaikan oleh ibubapa terhadap anak-anak, khususnya ibubapa merupakan orang yang bertanggungjawab secara langsung dan menjadi ketua pula dalam sesebuah rumahtangga.

Penganiayaan, penderaan, perkosaan dan pengabaian terhadap anak-anak amatlah dilarang oleh syariat Islam. Kecuaian ibubapa didalam menunaikan tanggungjawab terhadap anak-anaknya akan mengakibatkan anak menjadi liar, tidak bersopan, tidak menghormati ibubapa dan akhirnya akan mencetuskan kucar kacir dan kelam-kabut dalam rumahtangga sendiri. Jesteru itu, ibubapa perlu mengambil inisiatif yang berkesan untuk membentuk keperibadian anak-anak semasa masih kecil lagi agar mereka menjadi manusia yang berguna dan berhemah tinggi disuatu hari nanti.

Semuga usaha yang kecil ini, mendapat ganjaran yang sebaik-baiknya dan menjadi manfaat serta diterima oleh Allah S.W.T. Amin.

BAB PERTAMA

1.1. Asas Pembentukan Keluarga

Keluarga ialah suatu kelompok yang kecil dari masyarakat. Memperkatakan persoalan mengenai keluarga bererti memperkatakan sebahagian dari masalah masyarakat. Keluarga ini adakalanya besar dan berkemungkinan kecil, semua ini adalah bergantung kepada bilangan anggotanya. Keluarga adalah merupakan asas dan sendi kepada masyarakat, berkecai keluarga bererti berkecailah masyarakat. Jika keluarga itu baik, nescaya masyarakat pun menjadi baik dan bahagia. Begitulah pembentukan keluarga menjadi asas kepada pembentukan masyarakat yang lebih besar. (1).

Sesebuah masyarakat itu pula akan menjadi baik dan dipandang mulia hanya apabila ianya berlandaskan kepada suatu sistem hidup yang haq, iaitu Al-Islam, yangmana pengabdian hanya kepada Allah (S.W.T) sahaja dan tidak kepada sesama manusia atau sesuatu yang selain daripadaNya.

Kelemahan-kelemahan yang terdapat dikalangan umat islam hari ini amatlah banyak dan ketara sekali. Jatuh bangunya pembentukan keluarga muslim adalah bergantung kepada sikap setiap individu dan kekeluargaan umat islam itu sendiri. Banyak diantara kita kurang memahami tentang

(1) Dr. Abdul karim Zaidan, Dasar-dasar ilmu Dakwah, Jld.1.hlm. 97.

tanggungjawab, tujuan dan dasar-dasar keluarga seperti yang dikehendaki oleh Syariat Islam. Ada diantara kalangan individu muslim yang mendirikan rumahtangga semata-mata untuk memenuhi naluri kemanusiaan sahaja. Jika sikap ini tidak dibentaras dan diatasi, keluarga bahagia yang diidamkan nescaya tidak akan dapat diwujudkan. Ini bererti masyarakat islam yang aman damai dan keluarga bahagia tidak akan dapat ditegakkan.

Dalam memperkatakan tentang pembentukan keluarga bahagia, ini bererti memperkatakan tentang ajaran dan arahan islam kepada ummatnya didalam membentuk serta mengujudkan sesebuah keluarga muslim yang dituntut oleh islam. Oleh itu, penulis akan cuba untuk menyentuh mengenai beberapa aspek penting diantaranya ialah fungsi dan matlamat kekeluargaan, tanggungjawab dalam perkahwinan dan beberapa aspek lain yang berkaitan denganya.

•2. Matlamat Institusi Keluarga Menurut Syariat Islam

Pembentukan institusi keluarga dalam islam adalah berkait rapat dengan fasal "Munakahat" yang merangkumi berbagai perkara seperti nikah kahwin, memilih bakal isteri (meminang), tanggungjawab suami-isteri, penyusunan anak, nafkah dan pengaturan rumahtangga serta keluarga itu sendiri.

Nikah adalah titik permulaan seseorang itu telah menasuki alam rumahtangga. Nikah juga merupakan suatu asas pokok dalam kehidupan, pergaulan dan bermasyarakat. Pernikahan bukan saja suatu jalan yang amat mulia untuk mengatur kehidupan rumahtangga dan keturunan; malah pernikahan juga dapat dipandang sebagai suatu jalan kearah menuju kepada pintu perkenalan diantara satu kaum dengan satu kaum yang lain.

Sebenarnya pertalian nikah adalah pertalian yang seteguh-teguhnyanya didalam kehidupan manusia, bukan saja antara suami-isteri dan keturunan bahkan diantara kedua-dua belah pihak keluarga. Dari sebab baiknya pergaulan antara si isteri dengan suaminya, kasih mengasihani, akan berpindah pula kebaikan itu kepada semua keluarga dari kedua belah pihaknya, sehingga mereka menjadi satu dalam segala urusan, bertolong-tolongan sesamanya dalam menjalankan kebaikan dan menghindar segala kejahatan.

Dari segi perundangan (hukum) pada asalnya, nikah itu adalah "Mubah" (iaitu harus) tidak diberi pahala jika seseorang itu berkahwin dan tidak berdosa jika ianya tidak berkahwin. Adakalanya menjadi "Sunat" iaitu diberi pahala jikalau seseorang itu berkahwin dan tiada berdosa jika ia tidak berkahwin, iaitu bagi orang yang berkehendakan kepada berkahwin itu hendaklah cukup belanja nafkah dan

sebagainya. Adakalanya nikah itu menjadi "Wajib" iaitu diberi pahala jika seseorang itu berkahwin dan berdosa jika ia tidak berbuat demikian. Kewajiban ini adalah bagi orang yang berhajat dan mempunyai cukup belanjanya serta ia takut akan tergoda kepada kejahatan (zina) jika ia tidak berkahwin. Adakala nikah itu menjadi "Makruh" iaitu tidak berdosa jika seseorang itu berkahwin dan diberi pahala jika ia tidak berkahwin. Kedudukan ini adalah bagi orang yang tidak mampu untuk memberi nafkah atau ia mampu memberi nafkah tetapi ia takut bahawa ia akan melakukan kezaliman keatas perempuan yang dikahwininya. Kadang-kadang nikah itu menjadi "Haram" iaitu berdosa kalau seseorang itu berkahwin dan diberi pahala jika ia tidak berkahwin. Keadaan ini adalah bagi orang yang yakin bahawa ia akan melakukan kezaliman keatas perempuan yang dikahwininya atau ia berniat akan menyakitinya. (2)

Dengan ini dapatlah difahamkan bahawa hukum nikah (berkahwin) satu isteri atau lebih daripada satu itu, bukan semata-mata "Sunat" kerana mengikut perbuatan Nabi dan Sunnah Rasulullah s.a.w. seperti yang disangkakan oleh setengan golongan ummat islam dewasa ini, tetapi ianya adalah bergantung kepada keadaan seseorang itu seperti kemampuan dan keupayaan dalam tanggungjawabnya.

(2) Abdul Rahman Al Jaziri, Kitab Fiqh 'Ala Mazahib Al-Arbaah, Jld.4.hlm7.

Jadi, dari keterangan yang terdahulu, jelaslah bahawa keluarga juga adalah merupakan satu institusi yang menjamin kestabilan sosial dan kebudayaan masyarakat keseluruhannya. Dalil-dalil dari Al-Quran dan As-Sunnah Rasulullah s.a.w. yang menegaskan bahawa tujuan dan matlamat institusi keluarga adalah seperti berikut:-

(a) Pengekalan dan penerusan ummat manusia

Pengekalan kehidupan manusia dan kebudayaan, penerusan peranan manusia sebagai Khalifah Allah dimuka bumi ini, adalah bergantung kepada berkesanya jentera yang menjamin pembiakan ummat manusia. Segala sesuatu yang berkaitan dengan proses pembiakan memerlukan kepada wujudnya satu struktur yang stabil yang dapat menjamin proses tersebut berjalan dengan baik. Oleh itu kaum wanita, laki-laki dan anak-anak memerlukan suatu institusi yang tetap dan berkekalan untuk memenuhi tujuan tersebut. Menurut Al-Quran institusi keluargalah merupakan suatu sistem yang dapat mengendalikan hal ini. Firman Allah S.W.T. :

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ
مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ
كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا .

(Surah An-Nisaa': 1)

Maksudnya,

Wahai sekalian manusia! bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) daripada diri yang satu (Adam) dan yang menjadikan daripada Adam itu pasangannya (isterinya Hawa) dan yang membiakan daripada keduanya zuriat keturunan laki-dan perempuan yang ramai, dan bertakwalah kepada Allah yang selalu kamu meminta dengan menyebut-nyebut namanya, dan peliharalah hubungan (silatur-rahim) kaum kerabat, kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.

Firman Allah S.W.T. :

نَسَاءُكُمْ حَرِّثَ لَكُمْ فَأَتَوْا حَرِّثَكُمْ أَنِّي شَتَمْتُ وَقَدْ مَوَّأَ لَنَا نَفْسُكُمْ

(Surah Al-Baqarah: 223)

Maksudnya:

Isteri-isteri kamu adalah sebagai kebun tanaman kamu, oleh itu datangilah kebun tanaman kamu menurut cara yang kamu sukai dan sediakanlah amal-amal yang baik untuk diri kamu.

(b) Perlindungan akhlak dan tatasusila

Kecenderungan untuk melakukan hubungan jenis adalah merupakan suatu tabi'e dalam diri manusia. Kecenderungan yang tidak dikawal, akan membawa kepada kerosakan akhlak dan tatasusila. Pengabaian sepenuhnya terhadap kecenderungan ini pula merupakan penentangan kepada tabi'e semula jadi manusia. Islam menetapkan pengendalian yang baik demi menjamin kesucian masyarakatnya.

Islam melarang sama sekali hubungan jenis diluar nikah, tetapi Islam menggalakan perkahwinan agar kaum lelaki dan perempuan dapat memenuhi kecenderungan-kecenderungan tabi'e

mereka dengan sebaik-baiknya. Islam menetapkan perkahwinan agar kaum lelaki dan perempuan menikmati hidup berkeluarga disamping sama-sama bertanggungjawab didalam mengukuhkan keluarga tersebut.

Firman Allah S.W.T;

مَا نَكَحْتُمْ بِأَرْبَابِنَ أَهْلَهُنَّ وَأَتَيْنَهُنَّ أَجْرَهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ فَحَسَنَتْ لَكُمْ
مَسَافِحُهُنَّ وَلَا تَتَّخِذُوا أَرْبَابَكُمْ

(Surah An-Nisaa':25)

Maksudnya:

Oleh itu berkahwinlah dengan mereka dengan izin walinya, serta berikanlah Mas kahwinya menurut yang patut, mereka (hamba-hamba perempuan yang akan dijadikan isteri hendaklah) yang sopan bukan perempuan-perempuan lacur dan bukan pula yang mengambil lelaki sebagai teman simpanan.

Firman Allah S.W.T:

وَالْمَحْصَنَاتُ مِنَ الْمُؤْمِنَاتِ وَالْمَحْصَنَاتُ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ
إِذَا تَزَوَّجْتُمْ أَجْرَهُنَّ مَحْصَنِينَ غَيْرِ مَسْفُوحِينَ وَلَا تَتَّخِذُوا أَرْبَابَكُمْ

(Surah Al-Maa'idah: 5)

Maksudnya:

Dan dihalalkan kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang menjaga kehormatannya (suci) dari perempuan-perempuan yang menjaga kehormatannya (suci) dari orang-orang yang diberikan kitab dahulu daripada kamu apabila kamu memberikan mereka mas kahwin mereka, sedang kamu (dengan cara yang demikian) bernikah bukan berzina, dan bukan pula kamu mengambil mereka menjadi perempuan-perempuan simpanan.

Sabda Rasulullah s.a.w:

يا معشر الشباب من استطاع منكم البائة فليتزوج فإنه أفضل للبصر وأحصن
للفرج ومن لم يستطع فعليه بالصوم فإنه له وجاء .

(Riwayat Al Bukhari)

Maksudnya:

Wahai para pemuda, barangsiapa diantara kamu sudah berkemampuan, maka berkahwinlah, sebab ia dapat melindungi pandangan dan memelihara bagi kehormatan, tetapi barangsiapa tidak mampu, maka hendaklah ia berpuasa, sebab puasa, itu baginya sebagai pelindung.

(c) Kestabilan hubungan kerohanian, kebaikan dan kasih sayang

Hubungan antara ahli-ahli dalam keluarga, khususnya dalam hubungan suami isteri bukanlah hanya hubungan fizikal semata-mata. Keluarga didalam Islam merupakan induk yang mengembangkan kasih sayang, kebaikan, perlindungan dan kehormatan, percaya mempercayai, pengorbanan dan ketenteraman. Semua ini hendaklah berlandaskan kekuatan rohani. (3) Firman Allah S.W.T.

ومن آية أن خلق لكم من أنفسكم أزواجا لتسكنوا إليها وجعل بينكم
مودة ورحمة إن في ذلك لآية لقوم يتفكرون .

(Surah Ar-Ruum : 21)

(3) Abu'Urwah, Wanita dan keluarga, Risalah Usrah
Jld.2. hlm. 76

Maksudnya:

Dan diantara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanya dan rahmatnya bahawa ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki) isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikan diantara kamu (suami-isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.

Firman Allah S.W.T.

• هُنَّ لِبَاسٍ لَكُمْ وَأَنْتُمْ لِبَاسٍ لِهِنَّ

(Surah Al-Baqarah: 187)

Maksudnya:

Isteri-isteri kamu itu adalah sebagai pakaian bagi kamu dan kamu pula sebagai pakaian bagi mereka.

(d) Proses pembentukan dan pembinaan nilai.

Fungsi atau matlamat pembiakan manusia tidak dapat sempurna tanpa adanya pendidikan pembentukan keperibadian, pembinaan nilai dan pergerakan kepada ciri-ciri keugamaan dan kebudayaan. Tidak ada institusi atau kumpulan institusi-institusi lain yang dapat mengambil alih serta menandingi peranan ini dari institusi keluarga secara menyeluruh. Ini adalah kerana peranan yang dimainkan oleh institusi keluarga adalah menrangkumi dan berterusan.

Ia bukan sahaja dapat menjalin hubungan keilmuan, tetapi ianya juga dapat menjalinkan hubungan kerohanian dan kasih sayang yang berpanjangan. Ianya adalah diasaskan kepada rasa tanggungjawab dikalangan setiap ahli keluarga.

Firman Allah S.W.T:

• يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ

(Surah Al-Tahrim: 6)

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarnya, manusia dan batu berhala.

Institusi keluarga juga merupakan hubungan kerohanian dan kasih sayang yang berpanjangan.

Firman Allah S.W.T:

• وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا ذُرِّيَّتًا قَرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا
• لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

(Surah Al-Furkhan: 74)

Maksudnya:

Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang-orang) yang berdoa dengan berkata "Wahai Tuhan kami! Berilah kami beroleh dari isteri-isteri dan zuriat keturunan kami, perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang mahu bertakwa".

Firman Allah S.W.T lagi;

رب اجعلنى مقيم الصلاة ومن ذريتى ربنا وتقبل دعا ، ربنا اغفرلى

• ولولدى وللمو منين يوم يقوم الحساب

(Surah Ibrahim: 40-41)

Maksudnya:

Wahai tuhanku! jadikanlah aku orang yang mendirikan sembahyang dan demikianlah juga zuriat keturunanku. Wahai tuhan kami! perkenankanlah doa permohonanku. Wahai tuhan kami! kurniakanlah kemampuan kepadaku dan kepada kedua ibu bapaku serta kepada orang-orang yang beriman pada masa berlakunya Hisab dan Pembalasan.

(e) Jaminan sosial dan ekonomi

Pembentukan keluarga merupakan satu institusi yang menjamin keselamatan sosial dan ekonomi sesebuah masyarakat. Ini adalah kerana jaminan yang diberikan bermula dari unit-unit kecil; didalam masyarakat; iaitu keluarga. Apabila jaminan dari segi sosial dan ekonomi dalam sesebuah keluarga itu baik, maka pada keseluruhannya jaminan masyarakat dalam bidang-bidang ini juga akan berada dalam keadaan baik.

Dalam institusi keluarga Islam, tugas menyara isteri dan anak-anak adalah tanggungjawab dan kewajipan suami.